

Senario Masa Hadapan Pasaran dan Pemasaran Industri Minyak Sawit Malaysia ke arah Perancangan Strategik dalam Peningkatan Daya Saing Global

*Future Scenario and Marketing of Malaysia Palm Oil for Planning Strategies in
Enhancing Competitiveness in International Markets*

Ahmad Ashmal Azizan
Zaimah Darawi
Mohd Noor Mamat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan

ABSTRAK

Sehingga kini, Malaysia merupakan negara pengeksport utama minyak sawit dunia. Industri minyak sawit memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi malaysian. Ini terbukti kerana eksport minyak sawit dan hasil keluaran sawit merupakan sumber pendapatan eksport kedua terbesar negara dengan jumlah eksport sebanyak RM 59.8 bilion pada tahun 2010. Halatuju pasaran dan pemasaran industri minyak sawit negara amat penting dalam menjamin kedudukan dalam pasaran minyak sawit dunia. Ditambah pula persaingan yang diberikan oleh negara-negara pengeluar minyak sawit utama dunia dan peningkatan pengeluaran minyak sayuran lain semakin rancak dari semasa ke semasa. Justeru itu, Malaysia perlu membuat perancangan yang strategik dalam meningkatkan daya saing di pasaran antarabangsa. Kajian ini menggunakan Teknik Delphi bagi mewujudkan perancangan yang strategik dalam menerajui pasaran minyak sawit pada masa akan datang. Selain itu, tren perkembangan minyak sawit dalam pasaran lelemak dan minyak sayuran di peringkat domestik dan global turut dilakukan. Tambahan pula, kajian ini juga merangkumi analisis pasaran pada masa 20 hingga 40 tahun akan datang bagi mendapatkan gambaran senario pasaran minyak sawit pada masa hadapan. Pemacu industri minyak sawit negara tempoh masa lalu dan masa hadapan turut dilihat berikutkan kekangan sumber atau perubahan faktor pengeluaran dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung keadaan tersebut akan memberi gambaran mengenai fokus yang lebih penting dalam merangka strategi yang lebih mantap berdasarkan pemacu utama. Hasil daripada kajian ini dijangkakan dapat membantu dalam perancangan dan perlaksanaan strategi-strategi yang lebih berkesan serta membentuk halatuju industri minyak sawit negara yang lebih berdaya saing dan mengekalkan malaysian sebagai peneraju pasaran minyak sawit dunia pada masa akan datang.

Kata Kunci : pasaran dan pemasaran minyak sawit, halatuju, strategi, pemacu

ABSTRACT

To date, Malaysia is the second largest producer of palm oil after Indonesia, but it remains as the world's leading exporter of palm oil. The palm oil industry plays an important role in the Malaysian economic growth and development. This is evident by foreign exchange earning from the exports of crude oil and oil based products being the second largest source of export income to the country, with the total exports of RM 59.8 billion in 2010. Identification of the direction for the roadmaps of the market and marketing of palm oil is very important to sustain its competitive position in the world oil market. In addition, the competition provided by other world's major palm oil producing countries and increased in production of other vegetable oil is threatening its position. Therefore, Malaysia should formulate its strategic plan to improve competitiveness as well to sustain its leading position in the global markets. This study uses the Delphi Method to identify the drives from a strategic plan in order to sustain its leading position in the future. By taking into consideration the opinions of experts in the country's palm oil industry, the aim and direction of the palm oil industry will be identified and developed in formulating

effective strategies for future development. In addition, trends in market development of palm oil shortening and vegetable oil in domestic and global level is also studied and analyzed by taking into account the market scenario in the past and present time to identify patterns of movement and changes in palm oil market. Furthermore, this study also includes market analysis at the time of 20 to 40 years to get the palm oil market scenario in the future. Results from this study are expected to help in the planning and implementation of strategies more effective and establish direction for the country's palm oil industry more competitive and retain market leadership in the near future.

Keywords: market and marketing of palm oil, roadmaps, strategy.

PENGENALAN

Industri minyak sawit Malaysia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi serta sosioekonomi negara. Ini terbukti berdasarkan sumbangan industri minyak sawit Malaysia yang merupakan penyumbang keempat terbesar kepada pendapatan negara. Berbekalkan pengalaman dalam industri minyak sawit yang melebihi 100 tahun, menjadikan Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif di pasaran antarabangsa serta menjadi peneraju pasaran dari segi produktiviti dan R&D. Kerajaan telah merancang pelbagai inisiatif serta rangka kerja demi meningkatkan penguasaan industri minyak sawit Malaysia di pasaran antarabangsa dan secara tidak langsung meningkatkan jumlah pendapatan negara melalui sumbangan dalam industri minyak sawit.


Langkah-langkah kerajaan serta syarikat swasta dilihat perlu lebih kompetitif dan mencari daya pemacu agar Malaysia terus-menerus mampu menjadi negara pengeluar utama kelapa sawit. Objektif kajian ini adalah untuk melihat halatuju industri kelapa sawit Malaysia pada 20 hingga 40 tahun akan datang dalam prospek pasaran dan pemasaran serta membantu dalam penyediaan perancangan yang strategik dan lebih efektif serta memberi bayangan dasar-dasar yang mungkin boleh digunakan dalam industri kelapa sawit secara tidak langsung memastikan kebolehsaingan industri ini di pasaran dunia. Analisis kualitatif iaitu Teknik Delphi akan digunakan dalam kajian ini. Pencapaian objektif ini akan membantu dalam merangka rancangan strategik dalam meningkatkan daya saing di persada antarabangsa.

METODOLOGI

Bagi melihat senario pasaran dan pemasaran minyak dan lelamak serta mengkaji pasaran dan pemasaran minyak sawit dalam negara dan di peringkat global, data-data yang berkaitan dikumpulkan melalui statistik yang diterbitkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Tempoh masa yang dipilih untuk dianalisis adalah selama 11 tahun iaitu daripada tahun 2000 sehingga 2010. Kajian ini akan menggunakan analisis kualitatif iaitu Teknik Delphi. Teknik Delphi merupakan satu kaedah dimana iaanya melibatkan proses mengumpulkan pandangan atau pemikiran ahli-ahli sesebuah kumpulan akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk membentuk suatu pandangan atau pemikiran sepunya.

ISU UTAMA MINYAK DAN LELEMAK DUNIA


Peningkatan harga minyak mentah yang seringkali melanda akibat aktiviti spekulasi pelabur yang secara tidak langsung memberi kesan drastik ke atas peningkatan harga barang yang seterusnya memberi impak langsung kepada sistem perekonomian negara. Sumber alternatif terbaik bagi menggantikan petrol ialah melalui pembangunan sumber bahan boleh diperbaharui seperti bahan api bio (*bio fuel*) yang diekstrak dari hasil tumbuhan seperti kelapa sawit dan jagung serta beberapa jenis tanaman lainnya. Pengeluaran Biodiesel semakin penting dalam mempengaruhi pergerakan harga CPO berikutan peningkatan dalam harga petroleum yang terjadi akibat ketidakstabilan politik di negara-negara pengeluar petroleum dan ditambah pula dengan isu kepentingan alam sekitar yang semakin menjadi topik penting. Harga petroleum yang tinggi telah mengakibatkan kebanyakan pihak memilih untuk mencari alternatif kepada sumber tersebut dan boleh diperbaharui. Oleh disebabkan itulah, harga minyak dan lelemak sentiasa mengalami perubahan.



RAJAH 3.1: Harga Purata Bagi Minyak Dan Lelemak Terpilih: 1999-2010(Pasaran North West Europe US\$/Tan)

Sumber: Oil World, 2010

Harga minyak sawit mentah meningkat sebanyak 106.7 peratus iaitu daripada USD \$436 pada 1999 kepada USD \$901 pada tahun 2010. Sementara minyak isirung pula meningkat sebanyak USD \$490 atau 71 peratus daripada tahun 1999 sehingga 2010 (MPOB, 2010). Rajah 3.2 menunjukkan baki bagi pasaran minyak dan lelemak dunia daripada tahun 2000 hingga tahun 2010. Terdapat stok permulaan, stok pengeluaran, import, eksport, penggunaan (*disappearance*) dan stok penutupan. Manakala jika dilihat keadaan bagi pengeluaran dan import, hanya berlaku pertambahan dalam kuantiti yang sedikit bagi kedua-duanya. Daripada apa yang boleh dilihat, keadaan dari tahun 2000 hingga tahun 2010 menunjukkan lebihan penawaran kerana stok permulaan, import dan pengeluaran telah melebihi jumlah eksport dan penggunaan.




RAJAH 3.2: Imbangan Dunia bagi 17 Minyak dan Lelemak: 2000-2010 ('000 Tan)

Sumber: Oil World Annual (2000-2010) & Oil World Weekly (10 December, 2010)

Berdasarkan pendekatan teori permintaan-penawaran, hasil tambah bagi jumlah stok permulaan, pengeluaran dan import akan mewakili jumlah permintaan dimana ianya akan menyamai hasil tambah jumlah eksport, penggunaan dan stok penutupan yang merupakan jumlah keseluruhan bagi penawaran. Sebagai bukti yang lebih empirikal, pada tahun 2010, ia memperlihatkan jumlah sebanyak 256,813 ribu tan


dalam permintaan (hasil tambah jumlah stok permulaan, pengeluaran dan import). Jumlah tersebut menyamai hasil tambah dari sudut penawaran (hasil tambah eksport, penggunaan dan stok penutupan). Namun begitu, masih terdapat faktor luaran yang mampu mempengaruhi harga bagi minyak dan lelemak dunia. Sebagai contohnya, apabila berlaku kejutan penawaran atau permintaan bagi pasaran tersebut. Perkara yang menyebabkan wujudnya kejutan tersebut berpunca daripada senario ekonomi yang tidak dapat diduga seperti kenaikan harga minyak mentah secara mendadak, ketegangan politik terutamanya dalam negara pengeluar utama, kemelesetan ekonomi serta lain-lain faktor.



RAJAH 3.3: Pengeluaran Minyak dan Lelemak Dunia, 2000-2010 ('000 Tan)

Sumber: Oil World Annual (2000-2010) & Oil World Weekly (10 Disember, 2010)

Dari tahun 2000 hingga 2010, pengeluaran minyak atau lelemak haiwan menunjukkan perubahan daripada 22 juta tan (19.45 peratus) kepada 24 juta tan (14.30 peratus). Walaupun jumlah pengeluaran terdapat sedikit peningkatan, namun jumlah syer dari keseluruhan pengeluaran minyak dan lelemak menunjukkan pengurangan. Keadaan sebaliknya berlaku dalam pengeluaran minyak sayuran dimana ia menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari tahun ke tahun. Buktinya pada tahun 2000, jumlah pengeluaran minyak sayuran ialah 92 juta tan (80.55 peratus) telah meningkat kepada 147 juta tan (85.70 peratus).




RAJAH 3.4: Penggunaan Minyak dan Lelemak Dunia ('000 Tan), 2000-2010

Sumber: Oil World Annual (2000-2010) & Oil World Weekly (10 Disember, 2010), MPOB (2000-2010)

Jumlah penggunaan minyak dan lelemak dunia meningkat secara signifikan dari tahun ke tahun. Nilainya bertambah daripada 113.4 juta tan pada tahun 2000 kepada 171.1 juta tan pada tahun 2010. Peningkatan penggunaanya mencatatkan jumlah hampir 51 peratus. Secara keseluruhannya, penggunaan minyak sayuran lebih mendominasi dari awal lagi dengan peningkatan jumlah penggunaan daripada 91.2 juta tan (80 peratus) pada tahun 2000 kepada 146.5 juta tan (86 peratus). Manakala jumlah penggunaan minyak atau lelemak haiwan pula mencatatkan peningkatan yang kecil iaitu sebanyak 22.2 juta tan pada tahun 2000 kepada 24.6 juta tan pada tahun 2010.

Sudut eksport pula mencatatkan peningkatan sehingga 93.3 peratus ataupun pertambahan sebanyak 29.6 juta tan daripada tahun 2000 (32 juta tan) sehingga tahun 2010 (61.9 juta tan). Seperti yang terdapat dalam rajah 4.6, eksport minyak sayuran menunjukkan penguasaan sebanyak 94.4 peratus (61.9 juta tan) daripada keseluruhan jumlah eksport minyak dan lelemak pada tahun 2010. Dalam skop minyak sayuran sahaja, minyak sawit merupakan eksport minyak sayuran terbesar dengan jumlah 36.2 juta tan (58.4 peratus). Selepas itu diikuti oleh minyak kacang soya dengan jumlah 10 juta (16.2 peratus) dan minyak bunga matahari dengan jumlah 4.7 juta tan (7.6 peratus).



RAJAH 3.5: Eksport Bagi Minyak dan Lelemak Dunia, 2000-2010 ('000 Tan)

Sumber: Oil World Annual (2000-2010) & Oil World Weekly (10 Disember, 2010), MPOB (2000-2010)

INDUSTRI MINYAK SAWIT MALAYSIA: PENGETAHUAN DAN PASARAN

Pada masa kini, Malaysia sedang giat mempromosikan minyak kelapa sawit ke negara luar dan usaha ini dilihat berhasil dengan peningkatan dalam jumlah eksport terutamanya ke negara Pakistan pada yang kini merupakan pengimpor minyak kelapa sawit Malaysia yang kedua terbesar selepas China. Inisiatif dalam menurunkan kadar tarif untuk produk pertanian dan pembuatan mengikut perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala, hasilnya import ke Pakistan telah berkembang daripada 1.1 juta tan pada tahun 2000 kepada lebih 2.2 juta tan pada tahun 2010.

Harga minyak sawit dunia dilihat bertambah kukuh sehingga 2010, begitu juga dengan harga komoditi pertanian yang lain. Ini menjadi titik pemacu kepada peningkatan dalam peningkatan inovasi dan penciptaan dalam sektor ini. Penurunan tingkat pengeluaran hasil sawit telah meningkatkan lagi harga minyak sawit yang merupakan komoditi penghasilan minyak utama di dunia. Minyak sawit mentah dijangka mampu memberi respon kepada keperluan bahan bakar pada masa hadapan kerana persediannya mampu diperbaharui dari semasa ke semasa.

Harga Domestik Dan Harga Eksport Minyak Sawit

Pergerakan harga bagi minyak sawit mentah (CPO) tidak lagi hanya bergantung kepada situasi pergerakan penawaran dan permintaan domestik. Ianya turut dipengaruhi oleh asas-asas luaran seperti situasi

penawaran dan permintaan global untuk minyak dan lelemak. Faktor biodiesel memainkan peranan penting dalam memberi kesan kepada perubahan harga CPO kerana harga petroleum semakin meningkat berpunca daripada peningkatan isu alam sekitar serta keadaan politik yang tidak stabil di negara-negara pengeluar petroleum. Oleh kerana harga minyak sawit berubah seiring dengan harga petroleum, ianya kompetitif untuk dijadikan *biodiesel feedstock*.

JADUAL 4.1: Harga Tahunan Produk Kelapa Sawit, 1990-2010 (RM/Tan)

Harga Tempatan	1990	1995	2000	2005	2010
CPO (Local Delivered)	700.50	1472.50	996.50	1394.00	2704.50
PK (Ex-Mill)	394.50	737.00	706.50	1017.00	1735.50
CPKO (Local Delivered)	763.00	1583.00	1707.50	2183.00	3637.00
FFB (1% Extraction rate)	6.14	13.89	9.79	14.55	29.48
Harga Eksport					
RBD Palm Oil (FOB Bulk)	753.00	1586.00	1030.00	1454.00	2801.50
RBD Palm Olein (FOB Bulk)	787.50	1628.00	1083.50	1497.00	2852.50
RBD Palm Stearin (FOB Bulk)	653.00	1343.50	786.50	1298.00	2701.00
PFAD (FOB Bulk)	548.50	1044.00	604.00	1185.00	2310.00

Sumber: MPOB (1990-2010)


Harga purata tahunan bagi CPO tempatan meningkat secara drastik bermula sejak tahun 2007 dengan peningkatan hampir sebanyak 68 peratus daripada harga pada tahun 2006 iaitu daripada RM 1510.50 per tan kepada RM 2530.50 per tan. Pada tahun 1990 hingga 2010, harga minyak tempatan telah menunjukkan kenaikan sebanyak 286 peratus iaitu daripada RM 700.50 per tan kepada RM 2704.50 per tan. Harga bagi minyak isirung mentah(CPKO) pula meningkat daripada RM 763.00 per tan kepada RM 3637.00 per tan iaitu peningkatan sebanyak 376.7 peratus. Peningkatan ini berlaku disebabkan pengukuhan harga minyak isirung mentah yang berpunca daripada peningkatan dalam permintaan serta harga minyak *lauric* yang bertambah kukuh di pasaran antarabangsa.

Bagi buah tandan segar (FFB 1% ER) pula, harganya turut meningkat daripada RM 6.14 per tan pada tahun 1990 kepada RM 29.48 per tan pada tahun 2010. Berlaku peningkatan sebanyak 380 peratus. Harga buah tandan segar ini adalah berdasarkan kepada harga tempatan. Ianya berbeza daripada harga nasional. Kesan daripada keseluruhan peningkatan harga CPO dan isirung sawit pada tahun 2010, purata harga buah tandan segar berdasarkan *Oil Extraction Rate* (OER) nasional meningkat sebanyak 30.3 peratus kepada RM605 satu tan berbanding RM465 satu tan pada tahun 2009. Sejajar dengan peningkatan harga CPO, harga purata eksport turut meningkat. Contohnya seperti minyak sawit yang diproses iaitu RBD telah meningkat sebanyak 272 peratus ataupun daripada RM 753.00 per tan pada tahun 1990 kepada RM 2801.50 per tan pada tahun 2010. Begitu juga dengan harga purata eksport bagi produk yang lain-lain. Kekuahan harga CPO ini yang dipengaruhi sentimen positif pasaran lanjutan dari keruncungan bekalan minyak sayuran dunia di samping paras stok CPO yang rendah di pasaran tempatan. Sehubungan itu, purata harga CPO pada tahun 2010 meningkat sebanyak RM460 atau 20.5 peratus kepada RM 2,704.50 per tan berbanding RM 2,244.50 per tan pada tahun 2009.

Eksport

Seperti yang diketahui, Malaysia merupakan salah sebuah negara pengeluar minyak sawit terbesar dunia. Sejak dahulu lagi, Malaysia menjadi sebuah negara pengeksport terpenting minyak sawit dan bermula sejak tahun 2005, Indonesia begitu gigih mempertingkatkan jumlah eksport minyak sawit negaranya dan hasilnya Indonesia berjaya mengatasi jumlah eksport Malaysia pada tahun 2009. Namun pada tahun 2010, Malaysia

kembali menduduki tempat pertama sebagai negara pengeksport minyak sawit terbesar. Rajah 4.1 akan menunjukkan gambaran secara lebih jelas.




RAJAH 4.1: Negara Pengeksport Utama Minyak sawit, 2000-2010 ('000 Tan)

Sumber: MPOB (2000-2010)

Eksport minyak sawit Malaysia daripada tahun 2000 sehingga tahun 2010 mencatatkan peningkatan sebanyak 86 peratus iaitu daripada 9.1 juta tan kepada 16.9 juta tan. Namun eksport Indonesia menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 303 peratus dengan jumlah eksport pada tahun 2000 sebanyak 4.1 juta tan kepada 16.7 juta tan pada tahun 2010. Tidak mustahil pada masa depan, Indonesia akan menjadi pengeksport utama minyak sawit dengan jumlah yang semakin meninggalkan jumlah eksport Malaysia. Sementara Papua New Guinea, Cote d'Ivoire, Colombia serta negara lain hanya merupakan pengeksport dalam jumlah yang kecil dan dilihat jumlah eksport negara-negara tersebut secara relatifnya semakin menurun.

Import

Malaysia turut merupakan pengimport minyak sawit. Situasi ini berlaku berikutan langkah yang diambil bagi membendung masalah penawaran domestik yang tegang serta bagi tujuan pemprosesan seterusnya. Sumber import minyak sawit Malaysia yang utama ialah Indonesia. Kajian menunjukkan import minyak sawit Malaysia berhubung secara positif terhadap pertumbuhan sektor pengeluaran dalam jangka masa pendek. Selain itu, import minyak sawit juga turut berfungsi sebagai pengganti jikalau berlaku penurunan dalam jumlah stok (Basri dan Zaimah, 2002).




RAJAH 4.2: Import Tahunan Minyak Sawit Malaysia, 2000-2010 (Tan)

Sumber: MPOB (2000-2010)

Malaysia turut merupakan pengimport minyak sawit. Situasi ini berlaku berikutan langkah yang diambil bagi membendung masalah penawaran domestik yang tegang serta bagi tujuan pemprosesan seterusnya. Sumber import minyak sawit Malaysia yang utama ialah Indonesia. Kajian menunjukkan import minyak sawit Malaysia berhubung secara positif terhadap pertumbuhan sektor pengeluaran dalam jangka masa pendek. Selain itu, import minyak sawit juga turut berfungsi sebagai pengganti jika lalu berlaku penurunan dalam jumlah stok (Basri dan Zaimah, 2002).

Secara kasar jumlah import daripada tahun 2000 sehingga tahun 2010 merekodkan peningkatan daripada 57,539 tan kepada lebih daripada 1 juta tan. Peningkatan yang ditunjukkan berjumlah 946,843 tan dalam tempoh tersebut. Jika dilihat senario pergerakan import dari tahun ke tahun, didapati bermula daripada tahun 2005 jumlah import semakin berkurang daripada 644,190 tan pada tahun 2004 kepada 464,497 tan pada tahun 2005 walhal dalam tempoh beberapa tahun sebelumnya merekodkan peningkatan yang terus-menerus. Pada tahun 2007 mencatatkan kemerosotan jumlah import sebanyak 288,104 tan dari tahun 2006 sehingga 2007 yang mencatatkan jumlah import sebanyak 201,165 tan. Pada tahun 2008 sehingga 2010, jumlah import minyak sawit Malaysia meningkat secara drastik dengan peningkatan sebanyak 803,217 tan atau hampir 400 peratus dari tahun 2007 sehingga tahun 2010. Penurunan dan peningkatan jumlah import minyak sawit tersebut dipengaruhi oleh keperluan industri serta bertindakbalas terhadap jumlah stok minyak sawit domestik.

Pengeluaran




RAJAH 4.3: Jumlah Pengeluaran Tahunan Produk Sawit Berdasarkan Negeri – Isirung, 2000-2010 (Tan)

Sumber: MPOB (2000-2010)

Pada tahun 2010, jumlah pengeluaran minyak sawit mentah bagi Sabah meliputi sehingga 31.3 peratus (5.3 juta tan) daripada jumlah keseluruhan pengeluaran minyak sawit mentah negara. Gabungan jumlah pengeluaran minyak sawit mentah bagi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia merangkumi 55.9 peratus (9.5 juta tan) sementara bagi Sarawak pula berjumlah 12.8 peratus (2.2 juta tan). Di Semenanjung Malaysia, Johor merupakan pengeluar terbesar. Pada tahun 2010, Johor mengeluarkan sebanyak 2.8 juta tan (16.5 peratus) minyak sawit mentah, kemudian diikuti oleh Pahang dengan jumlah pengeluaran 2.5 juta tan (15 peratus), dan perak dengan pengeluaran berjumlah 1.8 juta tan (10.6 peratus).

Pengeluaran minyak sawit mentah menunjukkan kemerosotan pengeluaran pada tahun 2010 jika dibandingkan jumlah pengeluaran pada tahun sebelumnya. Sabah mengalami kemerosotan sebanyak 2.5 peratus daripada tahun sebelumnya manakala pengeluaran bagi Semenanjung Malaysia pula merosot sebanyak 6.1 peratus. Berlainan pula bagi kes Sarawak dimana berlaku peningkatan sebanyak 9.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Beralih kepada pengeluaran bagi produk isirung. Negeri pengeluar utama isirung merupakan Sabah. kemudian diikuti oleh Johor, Pahang, Perak dan akhir sekali Sarawak. Pada tahun 2010, pengeluaran isirung bagi Sabah meliputi 28 peratus (1.2 juta tan) daripada jumlah keseluruhan pengeluaran isirung. Johor pula mencatatkan pengeluaran berjumlah 19.1 peratus (819,177 tan), Pahang dengan jumlah 15.8 peratus (676,739 tan), Perak dengan 11.6 peratus (496,053 tan) dan Sarawak sebanyak 10.7 peratus (458,805 tan).

Keluasan Kawasan Tanaman



RAJAH 4.4: Kawasan Penanaman Kelapa Sawit Malaysia, 2000-2010 (Hektar)

Sumber: MPOB (2009-2010)

Pelbagai usaha dijalankan oleh pihak kerajaan dan juga swasta dalam mempertingkatkan pengeluaran produk-produk sawit antaranya menambah jumlah keluasan penanaman kelapa sawit dalam negara. Jika dibandingkan dalam tempoh 11 tahun (tahun 2000 sehingga tahun 2010), keluasan tanaman kelapa sawit telah meningkat sebanyak 43.7 peratus atau seluas 1.48 juta hektar. Jumlah kawasan penanaman dimana pokoknya telah mencapai tempoh matang meningkat sebanyak 1.26 juta hektar (42.9 peratus) dalam tempoh tersebut. Sementara kawasan yang pokoknya masih belum mencapai peringkat matang mencatatkan jumlah peningkata sebanyak 216,680 hektar (50 peratus). Bagi senario 2009 sehingga 2010, jumlah keseluruhan kawasan tanaman meningkat sebanyak 3.5 peratus kepada 4.85 juta hektar pada tahun 2010 berbanding 4.69 juta hektar pada tahun 2009. Pertambahan kawasan penanaman lebih besar bagi Sabah dan Sarawak dimana jika dikombinasikan jumlahnya ialah 5.8 peratus atau 127,748 hektar berbanding 1.4 peratus atau 34,858 hektar di kawasan Semenanjung Malaysia. Sabah mempunyai kawasan penanaman kelapa sawit terluas dengan keluasan 1.41 juta hektar atau 29 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan penanaman. Diikuti oleh Sarawak dengan 919,418 hektar (18.9 peratus), Johor dengan 717,398 hektar (14.8 peratus) dan Pahang dengan 688,866 hektar (14.2 peratus). Jumlah kawasan pokok matang meningkat sebanyak 3.1 peratus kepada 4.20 juta hektar dan merangkumi 86.6 peratus

daripada jumlah keseluruhan kawasan penanaman. Sarawak merekodkan peningkatan yang signifikan dalam keluasan kawasan pokok matang dengan jumlah 10.9 peratus atau 70,584 hektar, sementara kawasan pokok matang Sabah meningkat 2.3 peratus atau 28,098 hektar. Semenanjung Malaysia merekodkan peningkatan sebanyak 27,829 hektar atau 1.3 peratus pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Sabah memiliki keluasan kawasan pokok matang terbesar dengan jumlah 30.0 peratus daripada jumlah keseluruhan. Kemudian diikuti Sarawak dengan 17.1 peratus, Johor dengan 15.1 peratus dan Pahang dengan jumlah 14.3 peratus.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan maklumbalas daripada para panel dalam pusingan kedua, hasilnya telah diperolehi dan dengan ini membolehkan item-item disusun mengikut kedudukan berdasarkan susunan mengikut kepentingan. Dalam soalselidik yang dijalankan, setiap item akan ditandakan mengikut skala Likert dengan skala 5: Sangat Setuju, hingga skala 1: Sangat Tidak Setuju.

Selepas kesemua pusingan dalam teknik Delphi selesai dan jawapan diterima, pengiraan median dan sisihan piawai dilakukan sekali lagi. Hasil diperolehi berbentuk data dan dianalisis bagi menjawab isu yang dikemukakan dalam kajian.. Begitu juga dengan kedudukan item akan disusun semula mengikut persetujuan pakar yang berpandukan catatan skor median. Sisihan piawai pula adalah untuk melihat kesefahaman dan persetujuan diantara panel pakar terhadap sesuatu item. Jika sisihan piawai besar, bermaksud pendapat bercanggah. Manakala jika sisihan piawai kecil, pendapat lebih tertumpu kepada sesuatu item.

1. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Langkah-langkah bagi meningkatkan R&D:

JADUAL 5.1

No.item	Kedudukan	Median	Sisihan piawai
1	2	4.13	0.7438
2	1	4.2	0.6532
3	3	4.13	0.8850
4	4	4	0.6325
5	5	4	0.8167

2. Pengkomersilan

Tindakan yang mendorong kepada peningkatan pengkomersilan:

JADUAL 5.2

No.item	Kedudukan	Median	Sisihan piawai
1	2	4.13	0.7180
2	4	3.8	0.8327
3	1	4.2	0.8327
4	5	3.6	0.6110
5	3	3.8	0.6530

3. Perancangan strategik

Perancangan strategik secara menyeluruh bagi meningkatkan pencapaian industri minyak sawit negara:

JADUAL 5.3

No.item	Kedudukan	Median	Sisihan piawai
1	2	4.13	0.8055
2	3	4	0.7303
3	1	4.27	0.7717
4	5	3.8	0.6532
5	4	3.87	0.7180

4. Pengukuhan imej

Imej industri minyak sawit negara yang baik mampu mengukuhkan pasaran minyak sawit negara. Langkah-langkah meningkatkan imej industri minyak sawit negara:

JADUAL 5.4

No.item	Kedudukan	Median	Sisihan piawai
1	3	3.87	0.7180
2	4	3.8	0.6532
3	2	4.07	0.6799
4	1	4.2	0.7483

5. Menjamin daya saing

Tindakan-tindakan berikut boleh menjamin daya saing industri minyak sawit negara:

JADUAL 5.5

No.item	Kedudukan	Median	Sisihan piawai
1	2	4.07	0.8538
2	4	3.73	0.8538
3	1	4.2	0.7483
4	3	3.8	0.8327

6. Mengukuhkan sokongan

Sokongan dari institusi dan infrastruktur dapat memudahkan industri minyak sawit negara untuk berkembang dengan lebih pesat. Sokongan boleh diperkuuhkan melalui:

JADUAL 5.6

No.item	Kedudukan	Median	Sisihan piawai
1	3	3.8	0.7483
2	2	4	0.8944
3	1	4	0.8165


Berdasarkan hasil yang diperolehi, bagi meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), langkah yang paling utama yang harus diambil adalah dengan mewujudkan satu mekanisma yang mengangkat keutamaan penyelidikan. Ini bermakna kerajaan serta agensi yang terlibat dalam industri minyak sawit negara harus memfokuskan kepada langkah-langkah dalam mewujudkan daya pacu serta memberi penekanan kepada kepentingan aktiviti penyelidikan. Ini kerana berdasarkan senario yang dapat dilihat adalah peranan penyelidikan dalam industri minyak sawit Malaysia masih lagi ditahap yang belum cukup untuk menjamin kekuahan industri minyak sawit negara untuk menjadi ikon kepada industri minyak sawit di seluruh dunia.

Walaupun mempunyai kelebihan dari aspek pengeluaran dan mempunyai kualiti penghasilan yang baik, industri minyak sawit negara harus menitikberatkan aspek pengkomersilan. Secara tidak langsung, ia akan dapat menarik minat negara luar dan membuka peluang untuk memperkasakan industri minyak sawit Malaysia di mata dunia. Langkah yang paling utama dalam usaha meningkatkan pengkomersilan ialah dengan membuat projek yang mampu menarik minat pelabur asing dengan melibatkan kerjasama syarikat serta berpadanan dengan jumlah sumber yang sesuai. Langkah lain adalah dengan mengembangkan atau mempelbagaikan produk minyak sawit yang mempunyai nilai tambah yang tinggi di pasaran antarabangsa. Industri hiliran kebanyakannya menghasilkan produk bernilai tambahan rendah. Sejajar dengan peningkatan populasi dunia, keadaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan untuk makanan dan sumber tenaga.

Pada masa sekarang, timbul isu yang diketengahkan oleh badan-badan bebas (NGO) berkenaan industri sawit yang mendatangkan pencemaran kepada alam sekitar serta memusnahkan habitat flora dan fauna. Langkah menanganinya adalah dengan menubuhkan pusat penasihat teknikal sawit di negara-negara pengimport utama minyak sawit Malaysia. Selain itu, cadangan-cadangan lain yang berkaitan adalah dengan mempromosikan produk-produk minyak sawit negara yang dihasilkan melalui pengeluaran dan pembangunan yang mapan. Kerajaan juga boleh mengambil langkah dengan menubuhkan pusat lindungan hidupan liar dan melibatkan kerjasama antara agensi-agensi dalam industri minyak sawit negara serta Jabatan Perhutanan di setiap negeri yang menjadi lokasi aktiviti penanaman kelapa sawit yang utama.

Indonesia merupakan negara pengeluar utama minyak sawit dunia. Kini industri minyak sawit Malaysia berada di persimpangan dan berhadapan dengan risiko kehilangan kelebihan daya saing kepada pengeluar lain di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. Keadaan ini ditambah pula dengan masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk tanaman kelapa sawit. Selain itu, kekurangan tenaga kerja dan kos pengeluaran yang semakin meningkat lebih pantas berbanding dengan negara pengeluar yang lain juga antara faktor yang turut menambah tekanan kepada industri minyak sawit negara. Langkah untuk meningkatkan kembali daya saing industri ini adalah dengan menggalakkan integrasi dan pengkomersilan R&D antara industri dan institusi penyelidikan serta menggunakan strategi sisa buangan sifar. Ini akan memacu bukan sahaja teknologi dan inovasi malah pembangunan modal insan mahir dalam segmen huluhan dan hiliran.

Kerajaan juga harus menggalakkan agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan sumber tenaga alternatif. Dengan strategi sisa buangan sifar, ini bermakna dalam pengeluaran minyak sawit mentah (CPO), tiada kumbahan yang berhasil dan tiada karbon dioksida dilepaskan ke udara oleh kilang minyak sawit. Pembangunan sumber tenaga biomass penting demi menjamin pengurangan sisa buangan serta memberikan sumber tenaga alternatif seperti biomass untuk berkembang. Kerajaan dan agensi yang terlibat seperti MPOB turut perlu meningkatkan sumbangan pekebun kecil berikutnya 40 peratus daripada kawasan tanaman merupakan pengusaha pekebun kecil. Bagi memudahkan proses liberalisasi, dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai aktiviti penapisan harus diselaraskan.



Sasaran pencapaian industri minyak sawit negara boleh dikategorikan kepada dua jangkama yang berbeza iaitu jangkama sederhana dan jangkama panjang. Sasaran-sasaran tersebut dibuat berdasarkan kemampuan dengan mengambilkira faktor-faktor yang terdapat dalam tempoh semasa. Dalam jangkama sederhana, sasaran pencapaian industri minyak sawit negara termasuklah meningkatkan kawasan-kawasan perindustrian minyak sawit yang baru di dalam negara serta menyediakan persekitaran yang mampu menarik pelaburan ke dalam industri minyak sawit tidak kiralah sama ada pelaburan tempatan atau luar negara. Demi mencapai sasaran untuk meningkatkan kawasan-kawasan perindustrian minyak sawit yang baru, kerajaan dilihat memberi penekanan yang lebih terutamanya kepada pembukaan kawasan perindustrian minyak sawit di negeri Sabah dan Sarawak berikutnya faktor tanah atau kawasan yang luas serta berpotensi untuk dijadikan kawasan penanaman kelapa sawit. Ini terbukti dengan pelaksanaan Palm Oil Industrial Cluster (POIC) di beberapa kawasan seperti Tanjung Manis dan Bintulu di Sarawak, Lahad Datu di Sabah serta Tanjung Langsat di Johor (Laporan Ekonomi 2009/2010).

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Persediaan yang lengkap dengan pemanfaatan teknologi, usahasama dengan negara luar serta faktor-faktor pendorong yang lain diperlukan sebagai jaminan kepada negara untuk menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang dengan jayanya. Industri minyak sawit Malaysia pada kini mendapat saingan yang sengit daripada negara jiran iaitu Indonesia. Negara tersebut kini merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia. Ini disebabkan oleh kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh Indonesia untuk memacu industri minyak sawit negara mereka dengan begitu pantas dan sentiasa menunjukkan peningkatan yang drastik.

Selain itu, industri minyak sawit Malaysia turut mendapat persaingan yang sengit daripada industri minyak yang lain seperti minyak kacang soya terutamanya yang sedang giat berkembang. Secara tidak langsung memberikan kesan keatas jumlah permintaan minyak sawit domestik oleh negara luar. Negara harus menangani cabaran-cabaran dengan membuktikan bahawa industri minyak sawit Malaysia bukan sahaja mampu untuk terus berdaya saing di pasaran global malah merupakan sebuah industri yang mapan dan menitikberatkan kelestarian alam sekitar.

SENARAI RUJUKAN

- Chandran, M.R. (2006). *Sustainability of Malaysian Oil Palm Industry: Challenges and Opportunities*. Slaid Biomass Asia Forum in Tokyo, 19-21 January 2006.

- Basri Abdul Talib and Zaimah Darawi (2002). *An Economic Analysis of the Malaysian Palm Oil Market*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Oil Palm Industry Economic Journal. Vol 2(1)/2002.
- Rajah Rasiah and Azmi Shahrin (2001). *Development of Palm Oil and Related Products in Malaysia and Indonesia*. MPOB.
- Saedah Siraj and Mohd Paris Bin Saleh (2003). *Aplikasi Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Peringkat Sekolah Menengah: Jangkaan Masa Depan*. Universiti Malaya. Jurnal Pendidikan.
- Mohd Nasir Amiruddin, Ayat K Ab Rahman and Faizah Shariff (2005). *Market Potential and Challenges for the Malaysian Palm Oil Industry in Facing Competition from Other Vegetable Oils*. MPOB. Oil Palm Industry Economic Journal. Vol 5(1)/2005.
- Ramli Abdullah (2003). *Short-Term and Long-Term Projection of Malaysian Palm Oil Production*. MPOB. Oil Palm Industry Economic Journal. Vol 3(1)/2003.
- Yusof Basiron (2007). *Sustainable Palm Oil Practices in Malaysia*. MPOC.
- Yusof Basiron and Mohd Arif Simeh (2005). *Vision 2020-The Palm Oil Phenomenon*. MPOB. Oil Palm Industry Economic Journal. Vol 5(2)/2005.
- Shahril@Charil Hj. Marzuki and Muhammad Faizal A. Ghani (2007). *Pembentukan Model Sekolah Berkesan Malaysia: Satu Kajian Delphi*. Universiti Malaya. Jurnal Pendidikan 2007. Jilid 27(1).
- Kesten C. Green, J. Scott Armstrong and Andreas Graefe (2007). *Methods to Elicit Forecasts from Group: Delphi and Prediction Market Compared*. The International Journal of Applied Forecasting. Foresight 2007(8), 17-20.
- Man Kee Lam, Kok Tat Tan, Keat Teong Lee, Abdul Rahman Muhammed (2009). *Malaysian Palm Oil: Surviving The Food Versus Fuel Dispute For A Sustainable Future*. Jurnal of Renewable and Sustainable Energy Reviews. 13(2009): 1456-1464.